

**JURANG PILIHAN BERITA: ANALISIS PILIHAN  
BERITA ANTARA WARTAWAN DAN PEMBACA,  
SEBELUM DAN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM  
KE-13**

**NUR SHIMA BINTI SARUDIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**JURANG PILIHAN BERITA: ANALISIS PILIHAN  
BERITA ANTARA WARTAWAN DAN PEMBACA,  
SEBELUM DAN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM  
KE-13**

oleh

**NUR SHIMA BINTI SARUDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera Komunikasi**

**Julai 2017**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah,

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya telah mengizinkan saya untuk menyempurnakan kajian ini. Kajian ini juga dihasilkan melalui bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Di sini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada insan-insan yang telah banyak membantu, membimbing, menyokong serta meluangkan masa yang tidak terhingga bagi memastikan kajian ini berjaya dihasilkan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr Bahiyah Omar. Terlalu banyak jasa beliau bagi memastikan kajian ini berjaya disiapkan. Terima kasih atas segala kesabaran, ilmu, nasihat serta bimbingan sehingga terhasilnya kajian ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ahli keluarga terutamanya ibu bapa saya, Sarudin Abu Hassan dan Faridah Din, kerana setiasa memberi semangat untuk meneruskan pengajian ini dan juga sahabat-sahabat seperjuangan yang memahami dan bersama dalam mengharugi cabaran sepanjang pengajian ini.

Semoga kita semua sentiasa dilindungi serta dirahmati oleh-Nya.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
<b>BAB 1 – PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	12
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Skop Kajian	19

## **BAB 2 – LITERATUR KAJIAN**

2.1	Pengenalan	21
2.2	Pilihan Raya dan Media Massa	21
	2.2.1 Pilihan Raya Malaysia dan Peranan Media	25
2.3	Definisi Berita dan Corak Pemberitaan	31
	2.3.1 Pilihan Berita antara Wartawan dan Pembaca	38
2.4	Teori Kajian	41
	2.4.1 Teori Pendedahan Terpilih	41
	2.4.2 Pendedahan Terpilih: Konteks Wartawan dan Pembaca	45
2.5	Kerangka Konsep	51

## **BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	53
3.2	Kaedah Kajian	53
	3.2.1 Analisis Kandungan Kuantitatif	56
	3.2.2 Analisis Kandungan Kualitatif	57
3.3	Konseptualisasi	58
3.4	Operasionalisasi	60
3.5	Kaedah Persampelan	60

3.6	Bahan Kajian	64
	3.6.1 Akhbar <i>BH</i>	65
	3.6.2 Akhbar <i>The Star</i>	66
3.7	Pengekodaan	68
3.8	Kebolehpercayaan Antara Pengekod	70
3.9	Analisis Data	72
	3.9.1 Analisis Kuantitatif	73
	3.9.2 Analisis Kualitatif	73

#### **BAB 4 – DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	76
4.2	Analisis Diskriptif Berita	76
4.3	Analisis Hipotesis	84
4.4	Analisis Kualitatif	89
4.6	Rumusan Kajian	98

#### **BAB 5 – PERBINCANGAN**

5.1	Pengenalan	100
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	100

5.2.1	Pilihan Berita Politik dan Bukan Politik antara Wartawan dan Pembaca	103
5.2.2	Pilihan Berita Politik dan Bukan Politik Sebelum dan Selepas Pilihan Raya	104
5.2.3	Pilihan Berita Politik dan Bukan Politik antara Akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i>	105
5.2.4	Tema-tema Persamaan dan Perbezaan Jenis Berita Politik, Wartawan dan Pembaca, Sebelum dan Selepas PRU13	106
5.2.4(a)	Tema 1: Ketidaktulusan Parti Pembangkang	107
5.2.4(b)	Tema 2: Keprihatinan Terhadap Pengundi	108
5.2.4(c)	Tema 3: Sentimen Agenda Parti Pemerintah	109
5.2.4(d)	Tema 4: Perihal Pencalonan PRU13	110
5.2.4(e)	Tema 5: Bidas Parti Pembangkang	111
5.2.4 (d)	Tema 6: Kalah Menang dalam PRU13	112
5.3	Implikasi Kajian	113
5.3.1	Implikasi kepada Bidang Penyelidikan	113
5.3.2	Implikasi kepada Industri Media	115
5.3.3	Implikasi kepada Parti Politik Malaysia	116

5.4	Limitasi Kajian	117
5.5	Cadangan	118

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**



## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 3.1	Kelebihan dan kekurangan analisis kandungan	54
Jadual 4.1	Jumlah bilangan berita pilihan pembaca dalam akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i>	77
Jadual 4.2	Jumlah keseluruhan berita politik dan berita bukan politik bagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i>	78
Jadual 4.3	Jumlah bilangan berita politik yang dipilih oleh wartawan dan pembacabagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i>	82
Jadual 4.4	Jumlah bilangan berita pilihan wartawan dan pilihan pembaca mengikut tempoh fasa sebelum dan selepas pilihan raya (PRU13) bagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i>	83
Jadual 4.5	Jumlah berita politik dan bukan politik sebelum dan selepas pilihan raya secara keseluruhan	84
Jadual 4.6	Perbezaan pilihan pembaca dan wartawan terhadap jenis berita politik dan bukan politik	85

Jadual 4.7	Perbezaan pilihan jenis berita politik dan berita bukan politik, sebelum dan selepas PRU13	86
Jadual 4.8	Perbezaan pilihan berita politik dan berita bukan politik dalam akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i>	87
Jadual 4.9	Persamaan pilihan berita politik antara wartawan dan pembaca bagi akhbar <i>BH</i>	88
Jadual 4.10	Persamaan pilihan berita politik antara wartawan dan pembaca bagi akhbar <i>The Star</i>	89
Jadual 4.11	Pilihan berita politik oleh wartawan bagi akhbar <i>BH</i>	90
Jadual 4.12	Pilihan berita politik oleh wartawan bagi akhbar <i>The Star</i>	91
Jadual 4.13	Pilihan berita politik oleh pembaca bagi akhbar <i>BH</i>	92
Jadual 4.14	Pilihan berita politik oleh pembaca bagi akhbar <i>The Star</i>	93
Jadual 4.15	Berita politik pilihan wartawan bagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i> , sebelum pilihan raya	94

Jadual 4.16	Berita politik pilihan pembaca bagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i> , sebelum pilihan raya	95
Jadual 4.17	Menunjukkan berita politik pilihan wartawan bagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i> , selepas pilihan raya	96
Jadual 4.18	Menunjukkan berita politik pilihan pembaca bagi akhbar <i>BH</i> dan <i>The Star</i> , selepas pilihan raya	97
Jadual 4.19	Rumusan hipotesis	98

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Kerangka konsep	51
Rajah 4.1	Jumlah peratusan keseluruhan berita politik dan berita bukan politik	79
Rajah 4.2	Peratusan pemaparan topik-topik jenis berita politik secara keseluruhan	80
Rajah 4.3	Peratusan pemaparan jenis berita bukan politik secara keseluruhan	81

## SENARAI SINGKATAN

BH	Berita Harian
BN	Barisan Nasional
GE13	General Election -13
PRU	Pilihan Raya Umum
PRU13	Pilihan Raya Umum -13
MCA	<i>Malaysia Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
RTM	Radio Televisyen Malaysia
UMNO	United Malays National Organisation

**JURANG PILIHAN BERITA: ANALISIS PILIHAN BERITA ANTARA  
WARTAWAN DAN PEMBACA, SEBELUM DAN SELEPAS PILIHAN RAYA  
UMUM KE-13**

**ABSTRAK**

Dewasa ini pengguna media baru mempunyai kuasa untuk memilih berita yang ingin mereka baca dan mengenyahkan berita yang tidak diminati, terutamanya berita politik, sedangkan berita jenis '*hard news*' ini dianggap penting oleh wartawan untuk masyarakat mengetahuinya. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca yang dikatakan semakin membesar di dalam era digital ini. Satu teori diguna pakai bagi memahami konteks kajian ini iaitu teori penetapan agenda. Tambahan pula, kajian ini turut mengembangkan kajian lepas dengan mengeluarkan tema-tema yang terdapat dalam pilihan berita politik antara wartawan dan pembaca, bagi akhbar *BH* dan *The Star*, sebelum dan selepas PRU13.

**THE CHOICE GAP: AN ANALYSIS OF NEWS CHOICE DIFFERENCES  
BETWEEN JOURNALISTS AND READERS, BEFORE AND AFTER THE 13<sup>th</sup>  
GENERAL ELECTION**

**ABSTRACT**

Living in the era of globalisation has significantly influenced Malaysians' lifestyle in many ways, including sources of information; as of in this context - News. Most Malaysians are prone to read news that is favourable to them and cutting off any uninterested news without even looking at the title especially 'hard news' related to politics. Contrarily, journalists are keener to cover 'hard news' due to its diversity and interesting story line it could bring. This research is conducted to identify the different types of news selected by journalists and Malaysian readers which the gap has since growing in this digital era. Apart from that, this research also use theory of selective exposure. This research is to expand the result obtained from previous research by analysing the themes that came out from the news choices between journalists and readers, *BH* and *The Star*, before and after the 13<sup>th</sup> General Election.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perkembangan arus globalisasi dan teknologi maklumat sekitar tahun 1960an serta jaringan internet mula menggantikan media arus perdana seperti akhbar, televisyen dan radio (Ahmad Sebi Abu Bakar, 1996). Situasi ini menyebabkan masyarakat mula beralih kepada medium komunikasi baru iaitu internet dan media digital. Hal ini disebabkan oleh bekalan maklumat yang disediakan oleh medium baru lebih menarik serta menepati cita rasa pembaca (Azahar Kasim & Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2016).

Tambahan pula, pembaca bebas mendapatkan bahan yang diingini kerana medium baru ini tidak dikawal oleh mana-mana pihak mahu pun *gatekeepers* seperti yang berlaku ke atas kebanyakan media massa arus perdana. Menurut Ali Salman dan Mohd Safar Hasim (2011), kegagalan media tradisional di Malaysia, media cetak dan siaran seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *New Straits Times*, *The Star*, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV3 untuk menyiarkan berita yang adil dalam beberapa bidang menyebabkan media baru memikul tugas ini bagi menutup ruang-ruang tersebut.



Media tradisional yang kadang-kadang gagal untuk memberi perhatian dalam membekalkan isu-isu tertentu kepada masyarakat juga telah menyebabkan pengguna media baru mula mengambil alih tugas berkenaan dalam menghasilkan serta menyediakan bahan berita yang diperlukan mengikut minat dan permintaan pembaca sendiri. Dalam keadaan ini, dapat dilihat bagaimana percambahan kuasa penonton (pembaca) yang disebabkan oleh kegagalan peranan yang harus dimainkan oleh media tradisional serta undang-undang penerbitan yang ketat dan diaplikasikan oleh kerajaan Malaysia.

Kenyataan ini disokong berdasarkan hujah yang menyatakan bahawa masyarakat Malaysia cuba menukarkan diri mereka menjadi wartawan bagi menutup ruang yang ditinggalkan oleh media tradisional yang sering mengejar berita-berita sensasi, bernilai komersial, berat sebelah serta mempunyai kepentingan individu tertentu (Rani Ann Balaraman & Faridah Ibrahim, 2013). Hal ini jelas menunjukkan kemunculan internet serta media baru telah membentuk dan membina posisi yang sangat kuat, malah telah mewujudkan media yang lebih terbuka dan berkesan dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat.

Justeru itu, media baru menggunakan medium atau platform yang lebih bersifat bebas, mudah serta memiliki daya tarikan komunikasi secara dua hala. Hal ini bermaksud, pembaca dapat berinteraksi dan mendapatkan maklum balas atau pandangan dalam jangka masa lebih pantas berbanding media tradisional yang lebih kepada

komunikasi sehalu, iaitu hanya menyalurkan maklumat tetapi tidak berhubung secara langsung dengan pembaca. Tambahan lagi, media tradisional yang masih dikongkong oleh sikap memelihara pemilik, kawalan-kawalan atas alasan keselamatan nasional serta bentuk sistem media yang satu arah menunjukkan bahawa perbezaan yang sangat jauh dalam usaha menepati pilihan dan kehendak pembaca (Abu Hassan Hasbullah, 2010).

Selain itu, media baru bukan sahaja telah mengambil alih dan menukar media kepercayaan terhadap media tradisional seperti akhbar, televisyen, tetapi turut menyusun semula kepercayaan serta melakukan transformasi struktural terhadap sistem kehidupan seharian masyarakat. Hal ini kerana, kemunculan internet dan kehadiran media baru telah memberi kepuasan sebenar kepada pengguna yang sebelum ini tidak dapat dipenuhi oleh organisasi media tradisional yang didakwa gagal dalam membekalkan maklumat dan analisis yang diperlukan oleh masyarakat (Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Md Sidin Ahmad Ishak, 2011).

Hal ini ternyata benar apabila peranan utama wartawan tradisional sebagai perantaraan antara masyarakat dan pihak pemerintah negara dicabar sejak beberapa dekad yang lalu. Peranan wartawan tradisional dalam melaksanakan tanggungjawab juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor terutamanya berkaitan dengan kawalan yang dibudayakan oleh sesebuah organisasi berita. Ini mengakibatkan keinginan pembaca diabaikan demi memenuhi kehendak wartawan itu sendiri atau menangani kekangan dalam proses penghasilan berita. Polisi yang ditetapkan oleh organisasi-organisasi media

menghadkan kebebasan wartawan dan ini menyebabkan setiap isi kandungan berita yang dipaparkan atau disiarkan oleh media tradisional harus dan sering memberi keutamaan kepada *status quo* kerana tertakluk kepada polisi yang telah ditetapkan oleh organisasi-organisasi media (Lowrey, 2009).

Semua organisasi media yang beroperasi di Malaysia perlu mengikut polisi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, selain polisi yang disediakan oleh pemilik dan pemegang saham organisasi. Sebagai *gatekeeper* dan penyampai agenda, peranan wartawan masih tetap dan tertakluk kepada polisi organisasi masing-masing. Lee dan Lewis (2012) menyatakan jika melihat melalui sejarahnya, wartawan tidak pernah memahami dan mengambil berat terhadap keinginan masyarakat iaitu pembacanya mengenai jenis kandungan berita, sebaliknya wartawan lebih cenderung mempercayai naluri profesional serta memilih bahan berita yang dicadangkan oleh rakan sekerja dalam menjalankan proses pertimbangan berita.

Keadaan ini berlaku kerana wartawan tradisional dilatih dalam menentukan arah tujuan tugas, peranan dan tanggungjawab melalui proses masa serta memahami dan mengamalkan polisi akhbar mengenai ‘apa yang harus dipaparkan dan apa yang tidak harus dipaparkan’ (Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Md Sidin Ahmad Ishak, 2011). Oleh itu, bagi mengekalkan amalan ini, wartawan turut mengabaikan maklum balas daripada pembaca, sama ada dalam bentuk kualitatif (surat untuk pengarang) atau kuantitatif (statistik kajian pembaca) mengenai keinginan dan pendapat pembaca

terhadap penghasilan berita. Malah, bagi wartawan tradisional, mereka mengandaikan bahawa ‘apa yang menarik minat mereka akan menarik pembaca juga’.

Sebelum kemunculan internet dan media baru, wartawan sering menganggap bahawa pembaca tidak penting dalam proses penghasilan berita, malah pandangan serta keinginan pembaca turut diabaikan bagi memenuhi kehendak wartawan itu sendiri dalam memilih dan menghasilkan berita. Namun kini, lanskap perhubungan antara wartawan dan pembaca telah berubah di mana wartawan mula memberi tumpuan kepada kehendak serta keinginan pembaca dalam membekalkan maklumat yang dapat menarik minat pembaca untuk membaca. Disebabkan oleh kehadiran media baru serta peningkatan kuasa pembaca, corak pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia telah berubah. Kajian lepas yang dijalankan oleh Lee, Siti Suriani Othman, & Liana Mat Nayan (2013) mengenai pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia telah menyenaraikan lima faktor yang menyumbang kepada pertimbangan utama wartawan ketika proses pemilihan berita.

(1) Pemilihan berita adalah ‘apa yang terbaik pada hari itu’. Walaupun perkara ini jarang diperkatakan dalam buku kewartawanan, namun tidak boleh dipertikaikan dalam amalan kewartawanan sebenar. Hakikatnya, tidak mungkin sebuah akhbar gagal memaparkan berita di muka hadapan akhbar kerana tidak mempunyai berita untuk muka surat tersebut. Sama ada wartawan dari aliran arus perdana atau alternatif telah menggunakan faktor ini serta menyimpulkan bahawa pemilihan berita

adalah berdasarkan kekuatan peristiwa tersebut. Jika peristiwa itu tidak begitu penting tetapi tiada berita paling baik pada hari tersebut, maka peristiwa itu akan menjadi berita muka hadapan akhbar. Namun begitu, akan terdapat hari yang mempunyai banyak peristiwa penting sehingga pemilihan berita haruslah dibuat secara berhati-hati oleh editor berita.

(2) Seterusnya, faktor kedua iaitu hirarki dalam organisasi berita akan menentukan berita. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa hirarki dalam organisasi turut mempengaruhi proses penghasilan berita. Bagi wartawan akhbar aliran arus perdana, pertimbangan berita yang dilakukan sehari-hari agak sukar kerana terdapat perbezaan dalam cara pemilihan liputan berjadual dan tidak berjadual. Misalnya, liputan berjadual seperti majlis rasmi menteri-menteri atau kes-kes mahkamah telah dimaklumkan terlebih awal kepada organisasi berita berbanding liputan tidak berjadual.

Namun begitu, bagaimana hirarki dalam bilik berita turut memainkan peranan dalam pemilihan berita juga turut dipengaruhi oleh kehendak editor peringkat tertinggi. Kecenderungan editor peringkat tertinggi terhadap berita-berita berbentuk kemanusiaan dan hiburan juga akan mempengaruhi proses pemilihan berita. Namun begitu, kecenderungan terhadap sesuatu isu tidak bermaksud wartawan atau editor bebas memilih berita kerana mereka juga terikat dengan kehendak pemegang saham syarikat. Justeru itu, bagi keputusan berita muka hadapan akhbar akan ditentukan dalam mesyuarat yang dihadiri oleh ketua pengarang, editorial serta wartawan tertentu sahaja.

(3) Faktor ketiga pertimbangan pemilihan berita bergantung kepada di mana wartawan berkhidmat (pemilikan akhbar), ini secara tidak langsung menunjukkan pemilikan akhbar memberi kesan kepada pemilihan berita. Tambahan lagi, tanpa menafikan pengaruh pembaca, kehendak dan keperluan untuk melaporkan berita-berita yang diperlukan pembaca serta kehendak dan keperluan pemilik akhbar juga tidak boleh diketepikan. Tanggungjawab akhbar kepada pemilik yang sering dikaitkan dengan parti pemerintah ialah dengan memaparkan berita yang dapat memberi impak terbaik kepada pemilik akhbar di samping menyalurkan maklumat yang diperlukan oleh pembaca.

(4) Faktor keempat, pembaca sebagai faktor penting pemilihan berita, hal ini tidak dinafikan pembaca adalah salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan berita bagi mana-mana organisasi akhbar, sebagaimana yang pernah dinyatakan sebelum ini walaupun masih kurang kajian secara empirikal dijalankan. Kajian ini menyatakan bahawa wartawan di Malaysia meletakkan pembaca sebagai unsur terpenting dalam pemilihan berita, malah menulis berita untuk pembaca adalah antara fungsi media massa, namun begitu tidak kurang juga fungsi komersialnya.

(5) Faktor kelima ialah pengalaman sebagai asas pemilihan dalam kalangan wartawan tanpa menafikan bahawa pemilihan berita bergantung kepada peristiwa penting pada hari tersebut. Namun, pengalaman seorang wartawan juga merupakan kriteria paling penting bagi menentukan berita setiap hari. Bagi wartawan, pembaca yang setia pasti akan lebih setia dengan paparan berita yang cenderung kepada peristiwa

yang menarik minat mereka kerana peristiwa yang menarik ini selalunya adalah peristiwa yang ingin diketahui umum.

Berdasarkan faktor-faktor yang disenaraikan, jelas menunjukkan bahawa peranan pembaca juga merupakan salah satu faktor yang penting dalam proses pemilihan berita. Jika sebelum ini wartawan tidak mengambil berat mengenai kehendak pembaca, kini tidak lagi di mana kuasa pembaca dalam menentukan berita atau maklumat yang diperlukan semakin luas sehingga menyebabkan wartawan mula memberi perhatian.

Tambahan lagi, kehadiran sistem pengukuran berita pilihan pembaca yang mengandungi ‘paling banyak dipilih’ atau ‘*the most viewed*’ yang dibincangkan dalam kajian Lowrey (2009) bagi mengenal pasti berita pilihan pembaca telah membuka satu lagi ruang kepada pembaca untuk terus memperlihatkan berita yang dikehendaki dan diminati oleh mereka. Oleh itu, selepas berdekad mengabaikan keinginan pembaca serta menganggap tidak penting kepada proses pemberitaan, kini wartawan perlu lebih sedar serta melakukan penyesuaian terhadap cita rasa pembaca (Lee & Lewis, 2012).

Pada masa yang sama, wartawan perlu mula mengiktiraf serta berwaspada dengan kuasa pembaca yang semakin meningkat dalam memaparkan keinginan mereka serta menghasilkannya dalam bentuk berita yang mula mencabar peranan wartawan tradisional sebagai *gatekeeper* dan fungsi penetapan agenda sesebuah akhbar (Singer, 2011). Bagaimanapun, wartawan perlu mengekalkan peranan mereka sebagai wartawan

aliran arus perdana dalam menyampaikan sesebuah agenda kepada rakyat terutamanya menjelang pilihan raya. Cabaran terhadap fungsi wartawan dalam menyampaikan sesebuah agenda kepada rakyat bukan sahaja mengikuti kehendak serta cita rasa pembaca malah perlu mengambil kira pengaruh kuasa organisasi media berita, pemilikan akhbar, editorial serta pemegang saham tertinggi dalam penghasilan sesebuah berita (Thurman, 2011).

Tambahan lagi, kehadiran internet dan media baru membuka ruang kepada pembaca serta memberi kuasa mendapatkan atau memilih bahan berita yang diinginkan dan mengabaikan apa yang tidak diperlukan. Pendedahan terpilih sering dikaitkan dengan pembaca yang memilih maklumat berita berdasarkan minat, kehendak dan keinginan mereka (Gunter, 2003). Kajian lepas yang dijalankan oleh Berelson dan Lazarsfeld (1948) mengkaji kecenderungan pembaca dengan menggunakan istilah pendedahan terpilih bagi menjelaskan mengapa kempen politik hanya mengaktifkan dan mengukuhkan kecenderungan pembaca sedia ada tetapi tidak mengawal mereka. Namun begitu, bukan sahaja pembaca berdepan dengan pendedahan terpilih terhadap berita yang pelbagai, wartawan juga dibekalkan dengan berita dari banyak sumber sehingga perlu ditapis dan melalui beberapa proses pemilihan sebelum dipaparkan kepada masyarakat (Donsbach, 2004).

Kajian Lee, Siti Suriani Othman, dan Liana Mat Nayan (2013) menunjukkan bahawa wartawan di Malaysia meletakkan pembaca sebagai unsur terpenting dalam



pemilihan berita dalam hampir semua akhbar yang dikaji. Namun begitu, kajian empirikal dari barat telah mengenal pasti bahawa terdapat jurang antara kehendak wartawan dan pilihan pembaca terutamanya menjelang pilihan raya. Jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca terutamanya mengenai berita pilihan raya akan memberi impak kepada proses pilihan raya.

Hal ini disebabkan oleh, peranan wartawan terutamanya wartawan media arus perdana sebagai penyampai agenda kerajaan dalam membekalkan maklumat berkaitan pilihan raya tidak akan sampai atau tidak berjaya diterima oleh rakyat. Sekiranya pilihan berita pilihan raya yang disampaikan tidak dipilih oleh pembaca, dalam erti kata lain wujudnya jurang antara berita kehendak wartawan dan berita pilihan pembaca, maka masyarakat tidak dapat membuat keputusan dengan betul dan proses demokrasi tidak berjalan lancar.

Tambahan lagi, jika terdapat jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca, maka akan membentuk masyarakat yang tidak berinformasi sekaligus mengganggu kelancaran proses pilihan raya. Namun begitu, hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti dinyatakan di atas telah mempengaruhi penghasilan berita. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sama ada terdapat jurang pilihan wartawan dan pembaca terhadap berita pilihan raya bagi fasa sebelum dan selepas pilihan raya.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Keupayaan media menghasilkan liputan berita secara berulang sehingga menjadikan sesebuah isu itu penting serta difikirkan oleh masyarakat (Severin dan Tankard, 2001), mungkin secara tidak langsung memberi kesan kepada corak pemikiran masyarakat mengenai isu-isu politik malah juga memberi kesan kepada masyarakat untuk berfikir mengenai topik yang disampaikan (Cohen, 1963). Akhbar adalah medium yang penting dalam menyampaikan agenda, dasar dan isu kepada masyarakat dan kegagalan akhbar dalam menyampaikan maklumat, berkomunikasi dan merangsang penyertaan masyarakat dapat menjejaskan peranan akhbar dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Justeru itu, berita media sering kali dikaitkan dengan pemilihan topik dan pembinaan semula acara sosial dan politik serta mengenal pasti dan menentukan corak laporan (Van Dijk, 2008).

Media tradisional menggalas tanggungjawab sebagai penyampai maklumat berbentuk agenda kerajaan serta berperanan dalam memastikan maklumat tersebut berjaya disampaikan dan diterima oleh masyarakat terutamanya menjelang proses demokrasi iaitu pilihan raya umum (PRU). Hal ini kerana media tradisional ialah medium perantaraan antara kerajaan dan rakyat. Sekiranya media tradisional gagal menyampaikan maklumat yang seharusnya perlu diterima oleh rakyat, maka akan mencacatkan kelancaran proses demokrasi.

Majoriti kajian empirikal yang telah dijalankan di Amerika Syarikat memberi tumpuan kepada kehendak wartawan dan pilihan pembaca dan melihat sama ada terdapat penumpuan atau perbezaan di seluruh sistem media di negara-negara yang berbeza. Satu perspektif menunjukkan bahawa amalan kewartawanan dan penghasilan berita menjadi semakin sama namun perbezaan merentasi budaya, politik, institusi dan sistem media membawa kepada perbezaan dalam pengeluaran dan kandungan berita.

Tambahan lagi, kajian-kajian lepas juga telah mengenal pasti bahawa antara sebab terhasilnya jurang antara pilihan wartawan dan pembaca adalah kerana media tradisional dihipit tekanan apabila pembaca lebih cenderung kepada pemberitaan berbentuk *soft news* berbanding *hard news*. Kajian lepas yang dijalankan oleh Gans (2004) menunjukkan wartawan lebih cenderung kepada penghasilan berita berbentuk politik, ekonomi dan topik antarabangsa (*hard news*) dan pembaca lebih tertarik kepada hiburan, sukan, jenayah dan cuaca (*soft news*).

Namun sebaliknya, beberapa penyelidik berhujah bahawa pembaca lebih berminat kepada pemberitaan hal ehwal bukan awam (*soft news*) (Prior, 2007). Dalam satu kajian pemerhati pengguna berita, Graber (2004) mendapati hanya satu per tiga daripada berita-berita yang diterbitkan dalam akhbar menarik perhatian pembaca, kurang daripada separuh diklasifikasikan sebagai berita mengenai kerajaan dan ahli politik.

Kajian ini melihat perhubungan antara wartawan dan pembaca dari sudut pemilihan jenis berita, sama ada terdapat jurang pemilihan berita antara kehendak wartawan dan keinginan pembaca dan ini ditegaskan dalam kajian Boczkowski (2010) bahawa jurang perbezaan pemilihan berita antara wartawan dan pembaca, di mana wartawan lebih cenderung kepada pemberitaan berbentuk *hard news*, manakala pembaca sebaliknya, lebih memilih pemberitaan *soft news*. Penyelidikan dalam bidang ini cenderung memberi tumpuan kepada pengeluaran berita dan pengguna, tetapi tidak pada kedua-duanya. Tambahan lagi, kajian seperti ini kebanyakannya dijalankan di Amerika Syarikat dan kurang mengambil kira dalam konteks negara lain.

Oleh itu, dalam kajian ini selain melihat jurang pemilihan berita antara wartawan dan pembaca, kajian ini juga menggunakan sistem pengukuran pilihan pembaca bagi membantu melihat berita yang dipilih oleh pembaca. Kajian lepas yang dijalankan oleh Boczkowski dan Mitchelstein (2000) mula menangani jurang ini dengan mengira kesesuaian atau kesamaan relatif antara pilihan wartawan (melalui pemaparan kedudukan berita dalam laman web berita) dan pilihan pembaca (ditunjukkan melalui senarai ‘paling banyak dilihat’ dalam laman web berita yang sama). Kaedah pengumpulan data ini dilihat pada waktu tertentu atau di beberapa tempat yang berbeza (Boczkowski dan Peer, 2011).

Namun begitu, jika wartawan memberi keutamaan kepada corak pemberitaan *hard news* dan menjadikannya sebagai *news prominence*, adakah pembaca akan lebih

atau kurang mengiktiraf kepentingan pemberitaan *soft news* dengan menjadikan pemberitaan *hard news* sebagai ‘paling banyak dilihat’? Dan bagaimana pula jika proses penghasilan berita diubah seperti wartawan mengambil senarai pilihan pembaca sebagai keutamaan? Soalan-soalan seperti ini mengubah peranan *gatekeeping* (Shoemaker & Cohen, 2012) dan penetapan agenda (McCombs, 2005) dalam persekitaran digital, secara semula jadi mengubah peranan komunikasi massa tradisional (Bintang Handayani, 2012).

Kajian ini mengambil persoalan permasalahan itu dan mengembangkan lagi kajian yang dijalankan oleh Boczkowski dan rakan-rakannya. Hal ini kerana, kajian lepas menumpukan kepada pemberitaan dalam laman web tetapi kajian ini akan melihat jurang pilihan wartawan melalui pemaparan kedudukan berita dalam akhbar cetak dan mentakrifkan bahawa pilihan wartawan ialah lima berita utama yang dipaparkan dalam akhbar cetak, manakala pilihan pembaca pula ditakrifkan sebagai lima pilihan berita yang dipilih dan dipaparkan dalam bentuk jadual sebagai berita paling banyak lihat atau *the most viewed* bagi *portal online* (ditunjukkan melalui senarai ‘paling banyak dilihat’ dalam laman akhbar yang sama).

Kajian ini juga mengandaikan bahawa pilihan wartawan terhadap pemilihan berita lebih tertumpu kepada pemberitaan jenis *hard news*, bagi konteks kajian ini *hard news* ditakrifkan sebagai berita politik. Bagi pilihan pembaca pula, sering dikaitkan dengan pilihan berita jenis *soft news* iaitu berita selain berita politik, dalam erti kata lain

*soft news* ialah berita bukan politik. Tambahan lagi, kajian ini akan melihat peranan wartawan tradisional dalam menyampaikan agenda kepada masyarakat. Oleh itu kajian ini akan menumpu kepada pemberitaan politik (*hard news*) mengenai PRU13.

Justeru itu, akhbar adalah berbeza dari pelbagai sudut terutamanya berkait dengan pemilikan serta amalan undang-undang bagi sesebuah negara yang jelas akan mempengaruhi penghasilan berita politik. Hal ini kerana walaupun pilihan raya adalah peristiwa penting yang berlaku dalam negara, namun penyampaian berita oleh media berita adalah berbeza (Reese & Shoemaker, 1996). Tambahan, Voirol (1997) (dipetik dalam Gan, Teo & Detenber, 2005) berhujah bahawa wartawan yang bertugas di tempat kejadian yang sama dan masa yang sama tidak akan mencatatkan perkara yang sama atau menulis berita yang sama.

Ini disebabkan oleh penghasilan berita dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi, politik dan ideologi yang diamalkan oleh media berita tersebut (Akhavan-Majid & Ramaprasad, 1998). Kajian ini membandingkan akhbar *BH* dan *The Star* yang mempunyai persamaan dan juga perbezaan yang membolehkan kedua-dua akhbar ini menjadi calon yang terbaik bagi analisis perbandingan.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini meletakkan tiga objektif kajian untuk melihat sama ada terdapat jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca dalam konteks sebelum dan selepas PRU13 di Malaysia dalam dua akhbar *BH* dan *The Star*.

Objektif 1: Mengenal pasti sama ada terdapat jurang pilihan berita di antara wartawan dan pembaca.

Objektif 2: Mengenal pasti sama ada terdapat jurang pilihan berita di antara sebelum dan selepas pilihan raya.

Objektif 3: Mengenal pasti sama ada terdapat jurang pilihan berita antara *BH* dan *The Star*.

Objektif 4: Mengkaji tema bagi persamaan dan perbezaan jenis berita politik pilihan wartawan dan pembaca bagi akhbar *BH* dan *The Star*, sebelum dan selepas PRU13.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini meletakkan tiga persoalan kajian bagi melihat sama ada terdapat jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca dalam konteks sebelum dan selepas PRU13 di Malaysia dalam dua akhbar *BH* dan *The Star*.

Persoalan kajian 1: Adakah terdapat perbezaan antara pilihan berita bagi wartawan dan pembaca?

Persoalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan pilihan jenis berita sebelum dan selepas pilihan raya?

Persoalan kajian 3: Adakah terdapat perbezaan pilihan berita antara akhbar *BH* dan *The Star*?

Persoalan kajian 4: Apakah tema jenis-jenis politik pilihan wartawan dan pembaca bagi akhbar *BH* dan *The Star*, sebelum dan selepas PRU13?

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijangka dapat membantu industri media cetak untuk terus kekal diterima oleh masyarakat dalam memperoleh maklumat melalui penghasilan berita yang mampu menarik minat pembaca. Hal ini kerana, kajian ini melihat jenis pemberitaan yang dipilih oleh pembaca sama ada dalam bentuk *hard news* atau *soft news* yang menjadi pilihan pembaca. Kajian lepas menyatakan bahawa pembaca tidak memilih pemberitaan *hard news* namun begitu wartawan merasakan pemberitaan *hard news* penting untuk pembaca. Oleh itu, melalui hasil kajian ini akan dapat melihat jenis berita *hard news* pilihan pembaca yang menarik minat pembaca untuk memilih pemberitaan *hard news*, sekali gus merapatkan jurang pilihan wartawan dan pembaca.

Tambahan lagi, perubahan lanskap industri media serta peranan wartawan tradisional sebagai *gatekeeper* dan penyampai agenda juga telah berubah sejak kemunculan media baru. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu wartawan tradisional kekal sebagai *gatekeeper* dan penyampai agenda dengan melihat pilihan pembaca terhadap berita *soft news* sebelum dan selepas pilihan raya. Sehubungan itu, wartawan tradisional dapat menghasilkan berita yang mampu menarik minat



masyarakat untuk membaca dan secara tidak langsung penyampaian agenda kepada rakyat berjaya disalurkan.

Kajian ini turut mengembangkan lagi kajian yang dijalankan oleh Boczkowski dan rakan-rakannya mengenai jurang pilihan wartawan dan pembaca yang menyatakan bahawa wartawan lebih cenderung untuk menghasilkan pemberitaan *hard news* dan merasakan bahawa pembaca juga harus memilih berita tersebut. Namun demikian, pembaca lebih gemar dan inginkan pemberitaan *soft news* yang berbentuk santai dan sensasi. Oleh itu, dalam kajian semasa ini, selain mengkaji jurang pilihan pembaca dan wartawan terhadap jenis pemberitaan yang dipaparkan dalam *BH* dan *The Star*, kajian ini juga melihat jenis pemberitaan yang dipilih oleh wartawan dan pembaca serta paparan berita oleh dua akhbar arus perdana *BH* dan *The Star* dalam konteks PRU13 di Malaysia.

Tambahan pula, kajian ini turut menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Hal ini kerana kedua-dua kaedah ini membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian secara terperinci dan menyeluruh. Kaedah kajian kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data. Tambahan pula, kaedah tersebut juga merupakan satu penyelidikan yang melibatkan pengukuran pemboleh ubah secara saintifik. Manakala kaedah kajian kualitatif dilaksanakan untuk mengumpul data, memperolehi makna dan memperoleh pemahaman dari suatu teks. Kaedah kajian ini

juga dilakukan terhadap suatu sistem sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nor Azlina Abd Rahim, 2015).

Bagi mencapai objektif kajian ini, teori yang digunakan ialah teori pendedahan terpilih (*selective exposure*). Teori ini bertujuan untuk melihat pemilihan berita oleh wartawan dan juga pembaca. Justeru itu, penggunaan teori ini akan menerangkan penglibatan proses pemilihan berita oleh wartawan manakala bagi pembaca pula, dapat mengenal pasti cita rasa pembaca dan kuasa pembaca dalam membuat pilihan.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini mengandungi perkaitan antara jurang pilihan wartawan dan pembaca bagi dua akhbar arus perdana yang melibatkan jenis berita yang dipilih sebelum dan selepas PRU13. Pengkaji ingin mengenal pasti sama ada terdapat jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca menjelang pilihan raya. Oleh kerana pengkaji ingin melihat jurang pemilihan berita antara wartawan dan pembaca, dua medium penyampaian berita digunakan bagi mengukur kehadiran jurang ini iaitu media cetak dan media baru (*portal online*). Tambahan lagi, kajian ini mengkaji jurang pilihan berita, khususnya sebelum dan selepas pilihan raya, oleh itu sumber kajian ini ialah akhbar arus perdana yang sering dikaitkan dengan penyampai agenda kerajaan iaitu akhbar *BH* dan *The Star*. Tempoh bagi pengutipan data juga berbeza kerana kajian ini memfokuskan kepada pilihan wartawan dan pembaca. Bagi wartawan tempoh pengambilan data bermula 4

April 2013 – 31 Mei 2013, manakala bagi pembaca pada 5 April 2013 – 1 Jun 2013. Hal ini kerana, pemaparan jadual kekerapan pemilihan berita pada *portal online* adalah lewat sehari.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan konteks pilihan raya di Malaysia dan luar negara serta peranan media massa dalam proses pilihan raya berdasarkan kajian-kajian lepas. Bab ini juga merangkumi kajian lepas mengenai berita politik dan corak pemberitaan terutamanya menjelang PRU13. Tambahan lagi, bab ini juga mengetengahkan jurang pilihan berita antara wartawan dan pembaca terhadap pemberitaan berbentuk politik, khususnya berita pilihan raya. Justeru itu, teori kajian yang dibincangkan dalam bab ini ialah teori pendedahan terpilih. Teori ini terbahagi kepada dua iaitu teori pendedahan terpilih bagi berita kehendak wartawan dan teori pendedahan terpilih bagi berita pilihan pembaca. Pengakhiran bab ini akan disertakan satu kerangka konsep sebagai garis panduan yang digunakan dalam kajian ini.

#### 2.2 PILIHAN RAYA DAN MEDIA MASSA

Media massa memainkan peranan penting sebagai sumber atau medium utama dalam penyaluran maklumat kepada rakyat terutama menjelang pilihan raya, setiap kempen pilihan raya yang dijalankan pasti menggunakan saluran media massa bagi meraih pengundi (Plasser & Plasser, 2002). Tambahan lagi, bagi sesetengah negara, liputan atau hebahan berita sepanjang proses pilihan raya adalah sangat penting terutamanya kepada pengundi (Patterson, 1998). Oleh yang demikian, liputan media politik khususnya semasa kempen pilihan raya sering menarik minat sarjana untuk mengkajinya.

Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai pilihan raya dan media massa, terdapat beberapa kajian yang memberi tumpuan kepada peranan media massa dalam pilihan raya semenjak. Lazarsfeld, Berelson dan Gaudet (1948) mengkaji mengenai kesan media massa dalam pilihan raya presiden pada tahun 1940. Selain itu, kajian awal juga mendapati media memainkan peranan yang kecil dalam mempengaruhi rakyat. Hal ini kerana media tidak memaklumkan mengenai isu-isu yang dibangkitkan, strategi berkempen dan perlumbaan kalah menang (*horse race*). Justeru itu, media hanya mempengaruhi rakyat melalui beberapa format terikat seperti liputan berita mengenai kempen, iklan politik serta siaran perdebatan presiden.

Tambahan lagi, melalui data kajian Pilihan Raya Kebangsaan dari Universiti Michigan mengenai ramalan kepentingan kempen dan kesedaran politik semasa pilihan raya Amerika Syarikat pada tahun 1984, 1988, 1992 dan 1996, Son dan Kim (2001) mendapati kempen melalui televisyen, radio, majalah dan akhbar adalah ketara dalam tempoh masa seminggu. Kajian lepas ini juga mengkaji mengenai pengetahuan politik menggunakan media berita dan perbincangan politik yang cenderung kepada penambahan pengetahuan politik. Secara keseluruhan, penggunaan media berita dapat mempengaruhi pengundi jika hubungan antara semua bentuk penggunaan berita diambil kira.

Manakala, kajian lepas yang dijalankan oleh Mazzoleni (1987) di Itali telah mengkaji mengenai perubahan politik serta penyatuan sistem maklumat antara organisasi berita awam dan swasta yang bersatu untuk meluaskan kuasa media semasa kempen pilihan raya. Kuasa media dianggap dapat membentuk dua perkara utama; (1)